



Kok Seong (kiri) bersama Shamrahayu dan Sivamurugan pada program *Bicara Kenegaraan Siri 1* di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Bicara Kenegaraan Siri 1

'Rakyat gagal jiwai Rukun Negara'

Sistem pendidikan tak beri keutamaan lemahkan penghayatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sistem pendidikan di negara dilihat gagal membekalkan pendidikan Rukun Negara kepada rakyat sehingga ada antara anggota masyarakat hanya menghafal tanpa mengetahui maksud sebenar.

Felo Utama Bersama Institut Kajian Etnik (KITA) serta Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, berkata jika di Indonesia, Rukun Negara dikenali sebagai Pancasila dihayati dan dijiwai rakyatnya.

"Selepas 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan ia masih tidak memberi kesan kepada rakyat di negara ini kerana tidak pernah ada dalam kurikulum di sekolah atau sistem pendidikan.

"Jika di Malaysia, apabila tanya mengenai Rukun Negara semua boleh laungkan satu persatu kerana rakyat di negara ini memang sudah dita-

namkan dalam diri untuk menghafal rukun berkenaan.

"Sepatutnya, selepas ingat kita perlu faham, kemudian amal, analisis, nilai dan cinta. Namun, rakyat di negara ini berhenti ke tahap ingat sahaja dan tidak faham apa yang mereka laungkan itu," katanya ketika program *Bicara Kenegaraan Siri 1*, di Kementerian Pengajian Tinggi, di sini, semalam.

Wacana bertajuk 'Intelektualisme dan Pembangunan Negara Bangsa: Di Mana dan Ke Mana Kita?' dianjurkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Putra Malaysia.

Sementara itu, Pakar Undang-Undang dan Perlembagaan, Prof Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz, berkata kerajaan perlu mewujudkan satu kerangka perundangan yang kukuh untuk melindungi ahli akademik daripada terus dihentam oleh masyarakat jika terdapat perbezaan pendapat.

Katanya, dengan ada undang-undang itu, ia secara tidak langsung membantu ahli akademik bersuara demi kepentingan negara.

"(Kerangka perundangan) itu boleh meyakinkan ahli akademik untuk bersuara dengan bebas asalkan mengikut luras yang sepatutnya iaitu menggunakan platform yang betul, bersuara menggunakan bahasa yang mu-

dah, kesopanan dan kesuisilaan serta menghormati asas negara kerana itulah nilai seorang akademik.

Dr Shamrahayu berkata, ada beberapa ahli akademik yang mula takut untuk menghadapi orang awam, terutama netizen kerana mereka dilihat banyak menggunakan bahasa kesat sekiranya pandangan yang dilontarkan oleh ahli akademik tidak dipersetujui oleh netizen.

Prof Dr Sivamurugan Pandian daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia pula berkata semua pihak perlu melangkaui pemahaman politik masing-masing dengan menjunjung Perlembagaan dan nilai Rukun Negara demi perpaduan di negara ini.

Katanya, prinsip yang harus dipegang masyarakat dalam menegakkan perpaduan ialah kesopanan dan kesuisilaan selain negara adalah milik bersama.

"Namun kini teras perjuangan golongan tertentu ialah politik dan ia mudah untuk disebarkan menerusi platform media sosial masa kini," katanya.

Sivamurugan berkata, golongan intelektual dan akademia harus menjalankan tanggungjawab sosial dalam pembinaan negara bangsa dengan mendampingi masyarakat dan mewujudkan komunikasi dua hala bagi memahami cara masyarakat berfikir, kemahuan dan keperluan mereka.